# DASAR DAN PERLEMBAGAAN

# DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU BRUNEI

| BAB | KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| BAB 1 | NAMA DAN TEMPAT | Muka surat 3 |
| BAB 2 | DASAR DAN TUJUAN | Muka surat 3 |
| BAB 3 | AHLI DAN CAWANGAN | Muka surat 4 |
| BAB 4 | KEWANGAN DAN HARTA BENDA | Muka surat 6 |
| BAB 5 | PENTADBIRAN | Muka surat 7 |
| BAB 6 | TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI | Muka surat 9 |
| BAB 7 | PENYERAHAN TUGAS | Muka surat 12 |
| BAB 8 | JENIS MESYUARAT | Muka surat 12 |
| BAB 9 | PENAUNG DAN LEMBAGA PENASIHAT | Muka surat 13 |
| BAB 10 | PEMERIKSA KIRA-KIRA | Muka surat 14 |
| BAB 11 | PENGUNDIAN | Muka surat 14 |
| BAB 12 | PINDAAN | Muka surat 15 |
| BAB 13 | PEMBUBARAN | Muka surat 15 |
| BAB 14 | TATATERTIB ATAU DISPLIN | Muka surat 16 |
| BAB 15 | TAFSIRAN | Muka surat 17 |

| | |
|---|---|
| *BAB 1*<br><br>*NAMA DAN TEMPAT* | |
| *1. Pertubuhan ini dinamakan DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU BRUNEI atau nama ringkasnya DPPMB dan selepas ini disebut Dewan atau DPPMB sahaja.* | Nama |
| *2. Pertubuhan ini bertempat di Negara Brunei Darussalam dan berpusat di Bandar Seri Begawan serta mempunyai beberapa cawangan.* | Tempat |
| *BAB 2*<br><br>*DASAR DAN TUJUAN* | |
| *1. Menyatupadu serta menggabungkan peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan Melayu dalam apa jua bentuk perdagangan dan perusahaan dan memperjuangkan kepentingan mereka disamping menyelaras kegiatan-kegiatan ahli-ahli disemua peringkat.* | |
| *2. Berusaha dan mencari jalan penyelesaian dalam segala perundingan yang bersabit dengan kepentingan ahli-ahli.* | |
| *3. Membuat perundingan atau merayu sesuatu penetapan yang berlawanan dengan kepentingan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu.* | |
| *4. Membimbing serta menanamkan kepercayaan kepada ahli-ahli dan berusaha bagi meninggikan taraf perniagaan dan perusahaan.* | |
| *5. Mengusahakan bagi menambah ilmu pengetahuan ahli-ahli dalam perniagaan dan perusahaan.* | |
| *6. DPPMB boleh bergabung dengan mana-mana Dewan Perniagaan dan Perusahaan dalam dan luar negara tertakluk kepada kebenaran Pendaftar Persekutuan, Negara Brunei Darussalam.* | Bergabung |

| | |
|---|---|
| *7. Mengusahakan untuk menjadikan DPPMB sebagai satu badan muzakarah bagi memikirkan hal ehwal perniagaan bagi semua peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu.*<br><br>*8. Mengusahakan untuk mendapatkan dan menguruskan dana.*<br><br>*BAB 3*<br><br>*AHLI DAN CAWANGAN*<br><br>*A - AHLI* | |
| *1. (1) Ahli-ahli yang diterima menjadi ahli Dewan ini ialah peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan perseorangan yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas, dan syarikat-syarikat perniagaan atau perusahaan yang ekutinya adalah milik penuh Rakyat Melayu Brunei.*<br><br>*(2) Orang-Orang Melayu yang boleh diterima menjadi ahli Dewan ialah Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.*<br><br>*(3) Badan atau Persatuan Perniagaan dan Perusahaan yang keseluruhan keahliannya terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam boleh memohon untuk menjadi Ahli Bersekutu.* | Syarat menjadi ahli |
| *2. (1) Permohonan menjadi ahli Dewan ini bolehlah dibuat dengan mengisikan borang permohonan menjadi ahli yang telah disediakan dan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Agung Dewan untuk diputuskan oleh Ahli Jawatankuasa Tadbir Pusat (AJKTP). AJKTP berhak menolak dengan tidak perlu memberikan sebarang penjelasan.*<br><br>*(2) Badan atau Persatuan Perniagaan dan Perusahaan yang keahliannya terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam boleh memohon menjadi Ahli Bersekutu secara bersurat kepada Setiausaha Agung Dewan untuk ditimbangkan oleh AJKTP. AJKTP berhak menolak sebarang permohonan dengan tidak perlu memberikan sebarang sebab.*<br><br>*(3) Setiap permohonan yang telah diluluskan oleh AJKTP hendaklah melunaskan yuran masuk dan yuran bulanan terlebih ahulu sebelum didaftarkan dan berhak diberikan Perlembagaan Dewan serta Sijil Keahlian DPPMB.* | Cara menjadi ahli |
| *3. 1a. Kecuali mengenai perkara-perkara tertentu dalam Dasar dan Perlembagaan Dewan ini, setiap ahli Dewan adalah mempunyai hak* | Hak ahli |

| | |
|---|---|
| *yang sama, boleh dicalonkan, memilih dan bertanding untuk Jawatan dalam Ahli Jawatankuasa Tertinggi (AJKT).*<br><br>*1b. Ahli Bersekutu dikecualikan daripada dicalonkan atau memilih atau bertanding untuk jawatan dalam AJKT.* | |
| *2a Setiap ahli mempunyai kewajipan patuh kepada Dasar dan Perlembagaan Dewan dan berkewajipan menjelaskan yuran dan hutang kepada Dewan.*<br><br>*2b. Ahli Bersekutu diwajipkan menghantar lapuran mesyuarat bulanan atau apa jua mesyuarat yang diadakan dan juga sebarang kegiatannya kepada AJKTP.* | Kewajipan |
| *4. Setiap ahli boleh berhenti menjadi ahli dengan syarat dia mestilah memberikan sebulan notis yang bertulis kepada Setiausaha Agung Dewan dan sebelum berhenti hendaklah menjelaskan segala hutang piutang Dewan.* | Berhenti menjadi ahli |
| *5. AJKTP berhak mengantung keahlian mana-mana ahli yang tidak mengikuti Dasar dan Perlembagaan Dewan.* | Pergantungan keahlian |
| *6. Seorang ahli akan lucut menjadi ahli dengan sebab-sebab berikut:-*<br>*(1) Meninggal dunia;*<br>*(2) Dibenarkan oleh AJKTP;*<br>*(3) Dipecat berdasarkan kepada Tatatertib, Dasar dan Perlembagaan Dewan;*<br>*(4) Gila (tidak waras);*<br>*(5) Ahli Bersekutu yang tidak berfungsi; dan*<br>*(6) Ahli Bersekutu yang tidak mematuhi BAB 3 para 3.2.b*<br><br>*B CAWANGAN*<br><br>*Dewan ini boleh menambah beberapa cawangan dimana-mana juga di Negara Brunei Darussalam. Tiap-tiap cawangan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya sepuluh (10) orang ahli dan mempunyai Jawatankuasa Tadbir Cawangan yang diketuai oleh Ketua Cawangan, Setiausaha dan Bendahari serta empat (4) orang ahli (Jawatankuasa Cawangan).* | Lucut menjadi ahli |

| | |
|---|---|
| *BAB 4*<br><br>*KEWANGAN DAN HARTA BENDA* | |
| *1. Kewangan dan harta benda Dewan adalah terdiri daripada:-*<br>*(1) Hak milik kepunyaan Dewan; dan*<br>*(2) Yang diurus oleh Dewan.* | Jenis Kewangan dan Harta Benda |
| *2. Kewangan dan harta benda Dewan adalah diperolehi daripada sumber-sumber seperti kutipan yuran, derma, pelaburan, pinjaman, tajaan, dana dan lain-lain daya usaha.* | Sumbar Kewangan dan Harta Benda |
| *3. Yuran-yuran Dewan ini terdiri daripada:-*<br>*(1) Yang ditetapkan:*<br><br>*a. Yuran Masuk menjadi ahli bagi seorang ialah B$ 30.00 (Tiga Puluh Ringgit) dan bagi Ahli Bersekutu ialah B$ 50.00 (Lima Puluh Ringgit) dan hendaklah dibayar pada awal tahun; dan*<br><br>*b. Yuran Tahunan bagi seorang ahli ialah B$ 60.00 (Enam Puloh Ringgit) dan bagi Ahli Bersekutu ialah B$120.00 (Seratus dua puloh Ringgit) dan hendaklah dibayar pada awal tahun.* | Yuran |
| *4. Semua wang Dewan hendaklah disimpan dalam mana-mana bank yang dipersetujui oleh AJKTP atas nama Dewan.* | Menyimpan Wang |
| *5. Pengeluaran wang Dewan akan dilaksanakan dengan mengunakan cek yang ditandatangani oleh dua (2) orang iaitu Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung .* | Mengeluarkan Wang |
| *6. Segala penerimaan wang hendaklah diberi Resit Rasmi yang dikeluarkan oleh Dewan.* | Resit |
| *7. Wang Dewan yang dikeluarkan kerana sesuatu pembayaran hendaklah mengunakan baucher yang ditandatangani oleh Yang DiPertua.* | Baucher |
| *8. Setiap perbelanjaan tahunan Dewan bolehlah ditetapkan dan diluluskan oleh AJKTP setiap tahun.* | Perbelanjaan Tahunan |
| *9. Wang untuk perbelanjaan runcit hendaklah dikeluarkan kepada Setiausaha Agung sebanyak B$ 500.00 (Lima Ratus Ringgit) pada satu-satu masa bagi perbelanjaan yang tidak termasuk dalam perbelanjaan tahunan dan melebihi daripada B$ 500.00 hendaklah dirujuk kepada AJKTP.* | Perbelanjaan Runcit (*Petty Cash*) |

| | |
|---|---|
| *BAB 5*<br><br>*PENTADBIRAN*<br><br>*1. Dewan ini adalah ditadbir oleh AJKTP, tetapi kuasa tertinggi adalah terletak kepada Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Tergempar.*<br><br>*2. Dewan ini mempunyai Lembaga Penasihat yang terdiri dari 6 orang yang dilantik oleh AJKTP dan terdiri daripada orang-orang Melayu dan tidak semestinya ahli Dewan.*<br><br>*3. Dewan ini mempunyai seorang Pengerusi Tetap dan seorang Timbalan Pengerusi Tetap yang dilantik oleh AJKTP.*<br><br>*4. (1) Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi (AJKT) terdiri daripada Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua, Setiausaha Agung, Timbalan Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. Jawatan-jawatan ini akan dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Tergempar, dan menjawat jawatan dalam tempuh tiga (3) tahun dan jawatan-jawatan ini dipilih tiga (3) tahun sekali;-*<br>*1. Yang DiPertua;*<br>*2. Timbalan Yang DiPertua;*<br>*3. Setiausaha Agung;*<br>*4. Timbalan Setiausaha Agung; dan*<br>*5. Bendahari Agung*<br><br>*Dalam tempoh empat (4) minggu AJKT akan melantik ahli-ahli AJKTP terdiri dari:-*<br><br>*6. Pengerusi Tetap;*<br>*7. Timbalan Pengerusi Tetap;*<br>*8. Timbalan Bendahari Agung;*<br>*9. Naib Yang DiPertua Daerah Brunei Muara;*<br>*10. Naib Yang DiPertua Daerah Belait;*<br>*11. Naib Yang DiPertua Daerah Tutong;*<br>*12. Naib Yang DiPertua Daerah Temburong;*<br>*13. Naib Yang DiPertua Usahawan Wanita;*<br>*14. Naib Yang DiPertua Usahawan Belia;*<br>*15. Naib Yang DiPertua Bersekutu;*<br>*16. Setiausaha Perdagangan dan Pelaburan;*<br>*17. Penolong Setiausaha Perdagangan dan Pelaburan;*<br>*18. Setiausaha Hal Ehwal Sosial Korporat;*<br>*19. Penolong Setiausaha Hal Ehwal Sosial Korporat;*<br>*20. Setiausaha Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan;*<br>*21. Penolong Setiausaha Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan;*<br>*22. Setiausaha Perhubungan Awam ;*<br>*23. Penolong Setiausaha Perhubungan Awam;* | <br><br><br><br>Kuasa Pentadbiran |

| | |
|---|---|
| *24. Setiausaha Hartanah;*<br>*25. Penolong Setiausaha Hartanah; dan*<br>*26. Lapan (8) orang Jawatankuasa Tadbir.*<br><br>*4 (b) AJKTP berkuasa meluluskan dan melantik Ahli Bersekutu menduduki jawatan dalam AJKTP.* | |
| *5. AJKT yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Tergempar hendaklah mempunyai syarat sebagai berikut:-*<br>*(1) Ahli Dewan yang telah menjelaskan yuran tahunan;*<br><br>*(2) Berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun; dan*<br><br>*(3) Dalam tempoh menjadi ahli taat dan patuh kepada peraturan-peraturan Dewan dan menjelaskan yuran dengan baik mengikut masa yang ditentukan.* | Syarat Anggota |
| *6. Sebagai sebuah Jawatankuasa yang bertanggungjawab atas keseluruhan Dewan. Maka AJKTP adalah berkewajipan dan berkuasa:-*<br><br>*(1) Melaksanakan keputusan yang telah diambil oleh Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Tergempar;*<br><br>*(2) Melantik seorang Penaung dan 6 orang ahli Lembaga Penasihat. Ahli-Ahli Lembaga Penasihat bolehlah melantik salah seorang daripada mereka menjadi Pengerusi bagi Mesyuarat yang mereka adakan;*<br><br>*(3) Melantik jawatankuasa kecil untuk melaksanakan sesuatu tugas yang tertentu jika difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Tadbir;*<br><br>*(4) Menimbangkan Belanjawan Tahunan untuk dihadapkan ke Mesyuarat AgungTahunan;*<br><br>*(5) Menapis dan memutuskan usul-usul atau syor-syor dari mana-mana ahli atau gabungan untuk dibawa ke Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Tergempar;*<br><br>*(6) Mengesahkan Lapuran Dewan yang akan dibawa ke Mesyuarat Agung Tahunan;*<br><br>*(7) Mengambil sesuatu keputusan muktamad mengenai sesuatu agenda yang telah ditetapkan terlebih dahulu dengan mengikut Dasar dan Perlembagaan Dewan;* | Kewajipan Ahli Jawatankuasa Tadbir Pusat |

| | |
|---|---|
| *(8) Mengambil tindakan disiplin/tatatertib ke atas ahli yang melakukan pelanggaran disiplin/tatatertib Dasar dan Perlembagaan Dewan;*<br>*m*<br>*(9) AJKT berkuasa menimbangkan dan memutuskan jika didapati perkara-perkara berbangkit yang tidak disebutkan dalam Dasar dan Perlembagaan Dewan. Segala keputusan yang diambil dalam Mesyuarat AJKTP tidak boleh ditiadakan tanpa keputusan semula oleh AJKTP;*<br><br>*(10) Meminta penerangan berhubung dengan perjalanan mana-mana bahagian atau mana-mana pihak pada bila-bila masa dikehendaki; dan*<br><br>*(11) Melantik Pemeriksa Kira-Kira atau Badan Pemeriksa Kira-Kira Dewan atau bahagiannya.*<br><br>*BAB 6*<br><br>*TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI*<br><br>*1. (1) Mengetuai dan memimpin segala pentadbiran dan urusan-urusan Dewan dan sentiasa berusaha dengan segala daya upayanya agar Dasar dan Perlembagaan Dewan diikuti dengan betul.*<br><br>*(2) Mewakili Dewan dalam sebarang urusan luar berhubung dengan Dewan dan menjadi jurucakap Dewan atau wakil yang dilantiknya.*<br><br>*(3) Menandatangani baucher seperti yang ditetapkan dalam Bab 4 fasal 7.*<br>*(4) Menandatangani surat-surat yang penting.*<br><br>*(5) Merancang dan menyusun strategi dan akitiviti-aktiviti, dan menilai prestasi Dewan.*<br><br>*(6) Mendapatkan bantuan sukarela bagi tugas-tugas Dewan.*<br><br>*(7) Mengadakan dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Dewan.*<br><br>*(8) Menilai prestasi AJKTP.*<br><br>*(9) Menilai prestasi kewangan Dewan.*<br><br>*(10) Memimpin dan merancang dalam usaha mendapatkan sumber-sumber kewangan bagi Dewan.* | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>Yang DiPertua |

| | |
|---|---|
| *2. (1) Membantu tugas-tugas Yang DiPertua.*<br>*(2) Menjalankan tugas-tugas Yang DiPertua semasa ketiadaannya.* | Timbalan Yang DiPertua |
| *3. Menjadi Pengerusi dalam mesyuarat-mesyuarat dan Mesyuarat AJKTP.* | Pengerusi Tetap |
| *4. (1) Membantu tugas-tugas Pengerusi Tetap.*<br><br>*(2) Menjalankan tugas-tugas Pengerusi Tetap semasa ketiadaannya.* | Timbalan Pengerusi Tetap |
| *5. (1) Mengurus dan menjalankan Pentadbiran Dewan.*<br><br>*(2) Melaksanakan keputusan mesyuarat-mesyuarat termasuk Mesyuarat Agung, AJKT, AJKTP dan Jawatankuasa Khas.*<br><br>*(3) Bertanggungjawab mengurus segala surat-surat dan menyimpan di Pejabat Dewan segala buku-buku, dokumen-dokumen, minit-minit Mesyuarat Agung, AJKT dan AJKTP. Minit-minit Mesyuarat AJKT dan AJKTP hendaklah diedarkan dalam masa dua (2) minggu selepas setiap mesyuarat, dan menyediakan pangkalan data ahli-ahli Dewan, kecuali yang berkenaan dengan kewangan.*<br><br>*(4) Berserta dengan Yang DiPertua, atau Timbalan Yang DiPertua, atau Bendahari Agung menandatangani cek -cek atas nama Dewan.*<br><br>*(5) Membuat penyata atau lapuran tahunan bagi seluruh perjalanan Dewan dan yang bersangkut dengan Dewan.*<br><br>*(6) Memahami dan mematuhi Dasar dan Perlembagaan Dewan.* | Setiausaha Agung |
| *6. (1) Bertanggungjawab ke atas hal ehwal kewangan Dewan termasuk perancangan dan pengurusannya.*<br><br>*(2) Menerima dan memasukan terus segala wang Dewan ke Bank yang ditetapkan selewat-lewatnya 72 jam waktu bekerja daripada masa menerimanya.*<br><br>*(3) Mencatat segala wang keluar masuk ke dalam buku kira-kira kewangan.*<br><br>*(4) Mempunyai kuasa menyimpan wang ditangan tidak lebih daripada B$500.00 (Lima Ratus Ringgit) sahaja.* | Bendahari Agung |

| | |
|---|---|
| *(5) Mempunyai kuasa menuntut wang Dewan kepada pihak-pihak yang bersangkutan.*<br><br>*(6) Bertanggungjawap atas semua buku-buku dokumen-dokumen kewangan atau harta benda Dewan, dan mengeluarkan resit mengenai wang yang diterima.*<br><br>*(7) Mengikhtiarkan bagi menambah kewangan Dewan dengan persetujuan AJKTP.*<br><br>*(8) Merangka dan menunjukkan taksiran anggaran perbelanjaan tahunan Dewan untuk dikaji oleh AJKTP, dan dihadapkan ke Mesyuarat Agung.*<br><br>*(9) Membuat penyata tahunan dan Kunci Kira-Kira Kewangan Dewan.* | |
| *7 (1) Membantu tugas-tugas Setiausaha Agung.*<br><br>*(2) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Setiausaha Agung dalam masa ketiadaan atau disebabkan oleh sesuatu perkara yang tertentu.*<br><br>*(3) Menjalankan dan memangku tugas-tugas Setiausaha Agung.* | Timbalan Setiausha Agung |
| *8. (1) Membantu tugas-tugas Bendahari Agung.*<br><br>*(2) Memangku tugas Bendahari Agung dalam masa ketiadaan atau disebabkan oleh sesuatu perkara yang tertentu.*<br><br>*(3) Memangku dan membantu tugas Setiausaha Agung.* | Timbalan Bendahari Agung |
| *9. (1) Bertanggungjawab terus kepada Yang DiPertua.*<br><br>*(2) Bertanggungjawab secara langsung bahagian Dearah masing-masing.*<br><br>*(3) Menjadi Pengerusi kepada Jawatankuasa Dearah jika sekiranya Dearah tersebut membuka cawangan.*<br><br>*(4) Memimpin, merancang dan mengurus aktiviti-aktiviti perniagaan dan perusahaan di Daerah masing-masing.* | Naib Yang DiPertua Daerah - Daerah |
| *10. (1) Bertanggungjawab terus kepada Yang DiPertua.*<br><br>*(2) Bertanggungjawab secara langsung kepada sektor-sektor dan Persatuan masing-masing.*<br><br>*(3) Berhak mengundi dan diundi.* | Naib- Naib Yang DiPertua Usahawan Wanita/ Usahawan Belia/Persekutuan Yang Bersekutu |

| | |
|---|---|
| *(4) Memimpin, merancang dan mengurus aktiviti-aktiviti perniagaan dan perusahaan di sektor masing-masing.* | |
| *11. (1) Memimpin, merancang dan mengurus tugas-tugas dalam jawatan-jawatan yang telah diluluskan dan dilantik oleh AJKTP dan Mesyuarat Agung, iaitu dalam sektor-sektor Perdagangan dan Pelaburan, Pekerjaan dan Tanggungjawab Sosial Korporat, Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan, Perhubungan Awam, dan Hartanah.*<br><br>*(2) Mengikthiarkan dan merancang bagi meperluas dan meninggikan serta membimbing ahli-ahli dalam alam perniagaan sesuai dengan Dasar dan Perlembagaan Dewan untuk dibawa dan diluluskan oleh Mesyuarat.*<br><br>*(3) Membuat penyata tahunan mengenai perjalanan bahagiannya.*<br><br>*(4) Mengetuai dan mengawal sektor-sektor dibawah pentadbirannya.*<br><br>*(5) Bertanggungjawab melantik penolong bagi sektot-sektor berkenaan.*<br><br>*(6) Memimpin, merancang dan mengurus aktiviti-aktiviti perniagaan dan perusahaan di sektor masing.* | Setiausaha-Setiausaha bagi Perdagangan dan Pelaburan/Hal Ehwal Sosial Korporat/Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan/Perhubungan Awam/Hartanah |
| *12. (1) Membantu tugas-tugas Setiasusaha-Setiausaha dan sektor masing-masing.*<br><br>*(2) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Setiausaha-Setiausaha masing-masing dalam masa ketiadaannya.*<br><br>*(3) Menjalankan dan memangku tugas-tugas yang diarahkan oleh Setiausaha-Setiausaha masing-masing semasa ketiadaannya..*<br><br>*BAB 7*<br><br>*PENYERAHAN TUGAS*<br><br>*Pegawai-Pegawai yang telah tamat tempuhnya dalam perkhidmatan mestilah menyerahkan tugas-tugas kepada pengantinya secara rasmi.*<br><br>*BAB 8*<br><br>*JENIS MESYUARAT* | Penolong-Penolong Setiausa bagi Perdagangan dan Pelaburan/Hal Ehwal Sosial Korporat/Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan/Perhubungan Awam/Hartanah |

| | |
|---|---|
| *1. (1) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan sekali (1) setahun dengan secepat mungkin dan tidak lewat daripada 3 bulan selepas 31hb. Disember.*<br><br>*(2) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dihadiri oleh sekurang-sekurangnya sepertiga (1/3) daripada ahli Dewan iaitu tidak termasuk ahli yang digantung keahliannya pada masa Mesyuarat Agung itu diadakan.*<br><br>*(3) Notis atau pemberitahuan mesyuarat hendaklah dikeluarkan sekurang- kurangnya dua (2) minggu dari tarikh mengadakan mesyuarat.* | Mesyuarat Agung |
| *2. (1) Mesyuarat Agung Tergempar boleh diadakan pada bila-bila masa dengan permintaan dan perintah AJKTP.*<br><br>*(2) Mesyuarat Agung Tergempar hendaklah dihadiri oleh sekurang-sekurangnya seperempat (1/4) dari ahli Dewan.*<br><br>*(3) Notis atau pemberitahuan Mesyuarat hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya seminggu dari tarikh mengadakan Mesyuarat.* | Mesyuarat Agung Tergempar |
| *3. (1) Mesyuarat AJKTP Dewan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali.*<br>*(2) Mesyuarat AJKTP hendaklah dihadiri sekurang-kurangnya seperempat (1/4) daripada ahli-ahli Dewan.*<br>*(3) Notis Mesyuarat AJKTP sekurang-kurangnya seminggu dari tarikh mengadakan Mesyuarat.*<br><br>*BAB 9*<br><br>*PENAUNG DAN LEMBAGA PENASIHAT* | Mesyuarat AJKTP |
| *1. Dewan mempunyai:-*<br>*(1) Seorang Penaung; dan*<br>*(2) 6 orang Ahli Lembaga Penasihat* | Penaug dan Lembaga Penasihat |
| *2. (1) Penaung dan Ahli Lembaga Penasihat adalah dilantik oleh AJKTP.* | Lantikan |

| | |
|---|---|
| *(2) Seorang yang dilantik menjadi Penaung atau Ahli Lembaga Penasihat hendaklah dari orang-orang yang difikirkan layak oleh AJKT untuk memegang jawatan-jawatan tersebut dan mengikuti tempuh perkhidmatan AJKT tersebut. AJKT berhak menukar mana-mana Ahli Lembaga Penasihat yang difikirkan perlu.* | |
| *3. (1) Penung adalah dilantik untuk berkhidmat selama tempuh yang tidak terhad.* | Tempoh Perkhidmatam |
| *(2) Penasihat adalah dilantik untuk berkhidmat selama tempuh penggal perkhidmatan AJKTP.* | |
| *(3) Jika Penaung atau Ahli Lembaga Penasihat tidak dapat meneruskan perkhidmatan oleh kerana sesuatu sebab yang tertentu maka bolehlah AJKT melantik penggantinya.* | |
| *(4) Memberi perlindungan, galakan, bantuan, seumpamanya untuk kemajuan dan kesejahteraan Dewan.* | Kewajipan Penaung |
| *(5) Memberi nasihat dan pandangan bila-bila masa yang diminta oleh AJKT untuk kepentingan, kemajuan dan kebaikan Dewan.* | |
| *BAB 10* | |
| *PEMERIKSA KIRA-KIRA* | |
| *1. Dewan ini mempunyai Pemeriksa Kira-Kira yang dipilih dan dilantik oleh AJKTP dan tempuh perkhidmatan ialah dua (2) bulan.* | Tempoh Perkhidmatan |
| *2. Sebagai Pemeriksa kira-Kira yang bertanggungjawab bagi memeriksa membuat penyata kira-kira Dewan maka Pemeriksa Kira-Kira ini berkewajipan dan berkuasa:-* | Kewajipan Pemeriksa Kira-Kira |
| *(1) Menjalankan pemeriksaan berhubung dengan harta benda kewangan Dewan jika dikehendakinya atau oleh JKT Dewan;* | |
| *(2) Membuat laporan berhubung dengan perjalanan pentadbiran harta benda dan kewangan Dewan; dan* | |
| *3. Jika Pemeriksa Kira-Kira tidak dapat meneruskan perkhidmatannya oleh kerana sesuatu sebab maka bolehlah melantik pengantinya.* | |
| *BAB 11* | |

| | |
|---|---|
| *UNDIAN*<br><br>*1. (1) Calon-calon untuk memenuhi anggota AJKT adalah dinamakan oleh seorang ahli Dewan dan mendapatkan sokongan dari seorang ahli dalam Mesyuarat AgungTahunan atau Mesyuarat Agung Tergempar akan mengumumkan cara-cara melaksanakan undi muktamad sama ada dibuat secara bertulis.*<br><br>*(2) Calon-calon yang akan mememenuhi nama-nama anggota kecil adalah dinamakan oleh seorang ahli dan mendapat sokongan dari ahli yang lain yang hadir dalam Mesyuarat AJKTP.*<br><br>*2. Undian hendaklah dijalankan dengan kertas undian rahsia yang mengenai dengan perkara-perkara dibawah ini:-*<br>*(1) Semua perkara mengenai pertentangan dalam masalah perniagaan; dan*<br>*(2) Pembubaran Dewan hendaklah dipersetujui oleh sekurang-kurangnya seperempat (1/4) dari jumlah ahli semua*<br><br>*3: Keputusan semua undi adalah muktamad.*<br><br>*BAB 12*<br><br>*PINDAAN*<br><br>*Dasar dan perlembagaan Dewan Perniagaan dan perusahaan Melayu Brunei ini tidak boleh diubah atau dipinda, kecuali setelah diusulkan secara bersurat oleh AJKTP kepada Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Tergempar, dan dipersetujui oleh sekurang-kurangnya seperempat (1/4) daripada ahli-ahli yang hadir dan juga setelah mendapat kelulusan daripada pihak Pendaftar Persatuan Negara Brunei Darussalam.*<br><br>*BAB 13*<br><br>*PEMBUBARAN*<br><br>*1. DPPMB tidak boleh dibubarkan, kecuali mendapat persetujuan setelah diusulkan oleh AJKTP dalam mesyuarat Agung Tergempar atau seumpamanya setelah undian sulit dijalankan, maka keputusan undian hendaklah setengah (1/2) daripada jumlah semua ahli-ahli yang berdaftar bersetuju mengundi pembubaran.* | |

| | |
|---|---|
| *2. Notis pembubaran hendaklah disampaikan selewat-lewatnya dalam tempuh 14 hari kepada Pendaftar Persekutuan dan surat notis pembubaran hendaklah ditandatangani oleh Yang DiPertua Dewan.*<br><br>*3. Jika DPPMB dibubarkan, semua hutang piutang kepada Dewan hendaklah dijelaskan dalam tempuh 14 hari dari tarikh pembubarannya dan jika Dewan terhutang akan diselesaikan dengan wang simpanan atau harta benda Dewan yang ada, baki wang dan harta benda yang tinggal hendaklah dibahagikan kepada ahli-ahli yang maseh berdaftar.*<br><br>*4. Mesyuarat Agung Tergempar akan melantik Badan Penyelaras (Receiver) bagi dipersetujui pembubaran.* | |
| *BAB 14*<br><br>*TATATERTIB ATAU DISCIPLIN* | |
| *1. (1) Seorang ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, selain daripada berkewajipan untuk patuh kepada Dasar dan Perlembagaan Dewan dia adalah juga dikehendaki untuk membela dan mempertahankan nama baik Dewan.*<br><br>*(2) Seorang ahli juga dikehendaki berkelakuan baik, bersopan santun dan seumpamanya untuk mengharum dan meninggikan nama baik Dewan.* | Ahli Dewan |
| *2. (1) Selain daripada Fasal 1.(1) dan (2), ahli-ahli AJKTP dan lain –lain jawatankuasa, AJKT yang mentadbir perjalanan Dewan adalah dikehendaki menjalankan kewajipan yang ditanggungjawabkan keada mereka mengikuti Dasar dan Perlembagaan Dewan.*<br><br>*(2) Seorang ahli AJKT atau AJKTP mestilah bertanggungjawab dan sedaya usaha untuk memajukan Dewan dengan seluruh tenaga dan kebolehannya.* | Ahli JKT dan lain-lain JK |
| *3. Perkara yang bertentangan dengan Ugama Islam, Undang-Undang Negara, Kebudayaan Melayu, adat resam dan perkara-perkara mencamarkan nama baik Dewan dan sebarang perkara yang seumpamanya adalah ditegah ahli-ahli Dewan melakukannya atau membuat perkara tersebut dirumah Dewan.* | Tegahan |
| *4. Seorang ahli Dewan dianggap melanggar tatatertib atau disiplin apabila ia melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan perkara-perkara di atas seperti melanggar Dasar dan perlembagaan Dewan, berkelakuan tidak senonoh yang boleh merosakkan nama baik* | Melanggar Tatatertib |

| | |
|---|---|
| *Dewan atas tujuan jahat, atau sebarang perbuatan yang merosakkan ahli perseorangan dan Dewan.* | |
| *5. (1) Sebarang pelanggaran tatatertib atau disiplin oleh Ahli Dewan, maka berkuasalah AJKTP mengambil tindakan yang berupa nasihat, amaran atau dipecat mengikut bagaimana yang setimpal dengan perbuatannya yang dilakukan, BAB 5 Cerian 4 (8).*<br><br>*(2) AJKTP berkuasa memanggil seorang ahli yang melakukan pelanggaran tatatertib atau disiplin untuk datang kehadapan mereka bagi membela dirinya dengan memberikan keterangan-keterangan lengkap mengikut tuduhan-tuduhan atau perbuatannya yang tersebut itu.*<br><br>*(3) Seorang ahli yang diambil tindakan secara dipecat hanya akan dianggap sah apabila mendapat persetujuan dari AJKTP dan surat pemecatan hendaklah ditandatangani oleh Yang DiPertua.*<br><br>*(4) Seorang ahli yang diambil tindakan secara dipecat boleh merayu kepada AJKTP tidak lewat dari tiga puluh (30) hari dari tarikh surat pemecatannya, pertimbangan dan keputusan AJKTP mengenai rayuan tersebut adalah muktamad.*<br><br>*(5) Seorang ahli yang telah dipecat keahliannya dengan tidak merayu kepada AJKTP dalam masa yang ditetapkan atau rayuannya ditolak oleh AJKTP tidak boleh diterima semula menjadi ahli kecuali sekurang-kurangnya selepas dua tahun dari tarikh pemecatannya dengan syarat hendaklah mengisikan borang masuk menjadi ahli Dewan.*<br><br>*(6) Seorang ahli boleh diambil tindakan disiplin disebabkan tiada menjelaskan yuran selama tiga bulan berturut-turut.*<br><br>*BAB 15*<br><br>*TASIRAN*<br><br>*Tafsiran Melayu dalam Dasar dan perlembagaan Dewan ini ialah penduduk asli diseluruh kepulauan Melayu dan berugama Islam yang ada hubungan dengan keturunan Melayu.* | Tindakan Disiplin |

| | |
|---|---|
| | |